



Bank Pilihan Anda

Soalan Lazim

Pembaharuan Kad Debit-i Bank Rakyat yang Telah Luput

1. Apakah itu pembaharuan Kad Debit-i yang telah luput?

Ia merupakan proses pembaharuan Kad Debit-i yang telah mencapai tarikh luput iaitu tujuh (7) tahun selepas diisukan dan akan digantikan dengan Kad Debit-i dengan tempoh tarikh luput yang baharu.

2. Apakah kriteria bagi pembaharuan Kad Debit-i?

Kriteria bagi pembaharuan Kad Debit-i ialah Kad Debit-i yang telah mencapai atau hampir mencapai tarikh luput.

Pelanggan boleh merujuk maklumat tarikh luput tersebut yang tertera di atas Kad Debit-i.

3. Adakah pelanggan layak membuat pembaharuan awal Kad Debit-i sekiranya pelanggan ingin ke luar negara dalam tempoh masa yang lama ataupun terdapat keperluan yang lain?

Pelanggan boleh membuat pembaharuan awal Kad Debit-i dengan hadir ke cawangan Bank Rakyat berdekatan dan menyatakan sebab untuk membuat pembaharuan awal.

4. Adakah terdapat sebarang caj semasa proses pembaharuan Kad Debit-i dibuat?

Tiada sebarang caj akan dikenakan kepada pelanggan.

5. Bagaimanakah cara Bank memaklumkan kepada pelanggan berkenaan Kad Debit-i yang telah mencapai tarikh luput?

Bank akan memaklumkan kepada pelanggan melalui SMS tiga (3) bulan sebelum Kad Debit-i pelanggan mencapai tarikh luput.

SMS Kad Debit-i Akan Tamat Tempoh:

BRAKYAT: Kad Debit-i anda akan tamat tempoh pada bulan MM/YY. Untuk proses pembaharuan, sila kunjungi cawangan berdekatan.



Bank Pilihan Anda

6. Apakah tindakan pelanggan setelah menerima SMS?

Pelanggan perlu ke cawangan Bank Rakyat bagi melakukan proses pembaharuan Kad Debit-i.

7. Apakah yang pelanggan perlu lakukan sekiranya Kad Debit-i telah tamat tempoh dan tidak menerima sebarang notifikasi melalui SMS?

Pelanggan perlu ke cawangan Bank Rakyat bagi melakukan proses pembaharuan Kad Debit-i.

8. Bagaimanakah cara melakukan pengaktifan Kad Debit-i setelah kad diterima?

Untuk mengaktifkan Kad Debit-i, pelanggan perlu mencipta PIN di kaunter cawangan Bank Rakyat sebelum meninggalkan premis Bank.

9. Apakah yang pelanggan perlu lakukan sekiranya pembaharuan Kad Debit-i pelanggan mempunyai sebarang masalah?

Pelanggan perlu merujuk kepada cawangan Bank Rakyat yang berdekatan dan membuat permohonan penukaran Kad Debit-i.

10. Adakah bayaran berkala (auto debit) akan terganggu selepas saya mendapat Kad Debit-i baharu?

Ya. Pelanggan perlu mengemas kini nombor Kad Debit-i baharu kepada pihak pedagang bagi mengelakkan kegagalan bayaran berkala (auto debit) yang telah ditetapkan.

Contoh bayaran berkala: Coway, Astro, Takaful dan sebagainya.

11. Di manakah maklumat lanjut mengenai pembaharuan Kad Debit-i ini boleh diperoleh?

Maklumat lanjut boleh diperoleh melalui:

- a) Laman web rasmi Bank Rakyat.
- b) Pusat Panggilan Bank Rakyat di talian 1-300-80-5454